

**TERMA DAN SYARAT KHUSUS  
BAGI KEMPEN SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA CASA-i 3.0**  
(Tarikh Berkuat Kuasa: 01 Disember 2023)

## 1.0 DEFINISI

Untuk tujuan Terma dan Syarat ("T&S") ini, perkataan dan ungkapan berikut mempunyai maksud yang dikhususkan kepada mereka melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

"**Bank**" merujuk kepada **MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501033981 (716122-P))** pengganti dalam hakmilik dan pemegang serahaknya.

"**Laman Web Bank**" merujuk kepada [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com)

"**Kempen**" bermaksud **KEMPEN SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA CASA-i 3.0 (SBMB 3.0)**.

"**Akaun**" merujuk kepada Akaun PrimeWin-i (Semasa dan Simpanan) (PWCASA-i)

"**Tempoh Kempen**" bermaksud sepanjang tempoh Kempen berlangsung.

"**Tarikh Tutup**" bermaksud tarikh akhir di mana deposit akan dikira untuk Unit Kelayakan (UK) bagi Kategori Cabutan masing-masing.

"**Tempoh Deposit**" bermaksud tempoh di mana deposit mesti dibuat untuk mencapai PBB minima yang diperlukan.

"**Dana Baharu**" bermaksud wang atau dana yang:

- a) tidak dipindahkan dari mana-mana akaun Bank yang sedia ada; dan
- b) dipindahkan dari bank/ institusi kewangan yang lain.

"**Cabutan**" bermaksud acara yang dianjurkan pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak Bank bagi menentukan pemenang.

"**Jumlah Kelayakan**" bermaksud Deposit Permulaan minima dan Purata Baki Bulanan (PBB) minima untuk Kategori Cabutan masing-masing.

"**Pelanggan Yang Layak**" merujuk kepada pelanggan baharu dan/ atau sedia ada yang merupakan pemegang akaun yang membuka atau membuat deposit tambahan semasa Tempoh Deposit dan memenuhi kriteria yang diperlukan sebagaimana dinyatakan dalam Klausa 4.1 untuk menyertai Cabutan yang dianjurkan oleh pihak Bank.

"**Unit Kelayakan**" bermaksud bilangan penyertaan yang mewakili kelayakan untuk menyertai Cabutan yang dikira berdasarkan Purata Baki Bulanan (MAB) setiap bulan.

"**Purata Baki Bulanan**" ("**PBB**") bermaksud purata baki yang ada di dalam Akaun pada setiap akhir bulan berdasarkan rekod Bank.

"**Purata Baki Bulanan Minima**" bermaksud Purata Baki Bulanan minima di dalam Akaun Pelanggan Yang Layak untuk layak menyertai Cabutan.

"**Hadiah**" bermaksud ganjaran yang ditawarkan oleh pihak Bank.

## 2.0 TEMPOH KEMPEN

**01 Disember 2023 sehingga 31 Disember 2024** (Termasuk kedua-dua tarikh)

Pihak Bank berhak untuk mengubah tempoh dan/ atau tarikh permulaan dan/ atau tarikh tamat tempoh Kempen dengan notis awal tidak kurang daripada empat belas (14) hari.

### 3.0 KRITERIA KELAYAKAN

#### 3.1 PELANGGAN YANG LAYAK

- 3.1.1 Terbuka kepada pelanggan individu;
- Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas
  - Warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau bukan pemastautin kecuali individu dari negara yang tidak diterima oleh Bank
  - Pemegang Akaun Bersama
  - Individu berumur bawah lapan belas (18) tahun tertakluk kepada akaun yang dikendalikan oleh pemegang amanah (ibu bapa atau penjaga yang sah)
  - Rakyat Malaysia dan pemastautin tetap di bawah Akan Pemegang Amanah
- 3.1.2 Bagi Pemegang Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun utama yang layak untuk menyertai cabutan.
- 3.1.3 Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, kesalahan ataupun tindakan menyalahi undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak menyertai Kempen ini.
- 3.1.4 Kakitangan Bank sama ada tetap/ kontrak dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu anak dan pasangan) TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini.

#### 4.0 KAEDAH KEMPEN

- 4.1 Pelanggan Yang Layak dikehendaki membuka akaun, mengekalkan atau menambah dana ke dalam Akaun semasa Tempoh Kempen.
- 4.2 Butiran kategori Kempen dan memperuntukkan deposit minimum digambarkan dalam **Lampiran 1 (Jadual 1.0)**.
- 4.3 Formula untuk mengira PBB untuk bulan tertentu adalah seperti berikut:

$\text{PBB} = \frac{\text{Jumlah Baki Terakhir Harian Dalam Setiap Bulan Tertentu}}{\text{Jumlah Hari Dalam Bulan Tertentu}}$
---

- 4.4 UK akan dikira berdasarkan PBB bagi setiap bulan. Sila rujuk **Lampiran 2 (Jadual 2.0)** bagi contoh kelayakan UK untuk tiga (3) bulan berdasarkan PBB.
- 4.5 Peruntukkan
- i) Pelanggan Yang Layak dibenarkan untuk membuat peruntukkan melebihi daripada jumlah minima.
  - ii) Sekiranya nilai peruntukkan di dalam Akaun dibatalkan atau dikeluarkan (sebahagian atau sepenuhnya) semasa tempoh peruntukkan secara automatiknya kelayakan untuk cabutan akan terbatal.
  - iii) Sila rujuk **Lampiran 3 (Jadual 3.0)** bagi contoh tempoh peruntukan.
  - iv) Pelanggan Yang Layak perlu melengkapkan Earmark Form (EF) SBMB 3.0 melalui kaunter di cawangan Bank.
  - v) Cawangan akan melaksakan penandaan pada hari yang sama setelah pelanggan melengkapkan borang EF SBMB 3.0.
  - vi) Bagi Kategori Early Bird, pengeluaran peruntukan deposit dibuat sebelum tamat tempoh, Bank berhak untuk mendapatkan semula (Nilai Emas) RM3,000.00 daripada jumlah yang diperuntukkan.
- 4.6 Dana
- i) Semua deposit ke dalam Akaun yang menyertai boleh terdiri daripada dana baru atau sedia ada.
  - ii) Deposit boleh dibuat secara tunai atau cek melalui kaunter di cawangan Bank, Cash Recycling Machine (CRM), Interbank Giro (IBG), DuitNow atau mod deposit yang diterima oleh pihak Bank.
  - iii) Deposit cek tertakluk kepada penjelasan dan hanya akan dipertimbangkan setelah dana dikreditkan ke dalam Akaun.

- 4.7 Tempoh Cabutan
- i) Sila rujuk di **Lampiran 1 (Jadual 1.0)** untuk butiran lebih lanjut.
  - ii) Pihak Bank boleh menyemak semula tarikh atau kekerapan Cabutan dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

## 5.0 PEMILIHAN PEMENANG

### 5.1 Pelanggan Yang Layak hanya berhak mendapat maksimum:

- i) Satu (1) Hadiah *Early Bird*; dan/atau
- ii) Satu (1) Hadiah *Monthly*; dan/atau
- iii) Satu (1) Hadiah *Loyalty*; dan/atau
- iv) Satu (1) Hadiah *New Savers*; dan/atau
- v) Satu (1) Hadiah *Payroll/ Salary Individual*; dan/atau
- vi) Satu (1) Hadiah *Special* dan/atau
- vii) Satu (1) Hadiah *Regional*; dan/atau
- viii) Satu (1) Hadiah *Grand*.

- 5.2 Hanya akaun yang aktif layak untuk Cabutan. Pemegang Akaun yang telah meninggal dunia tidak layak untuk menyertai Cabutan dan pihak Bank boleh memasukkan atau mengecualikan mana-mana akaun yang dianggap perlu atau sesuai.
- 5.3 Cabutan akan dijalankan di hadapan jawatankuasa pemilihan pemenang Bank. Calon pemenang yang telah disenarai pendek akan dihubungi sebanyak tiga (3) kali percubaan maksima dalam tempoh dua (2) hari bekerja yang berbeza melalui nombor telefon berdaftar terakhir dengan pihak Bank iaitu sama ada nombor telefon bimbit, nombor telefon pejabat atau nombor telefon kediaman, antara jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang, dari hari Isnin hingga Jumaat. Bagi Pemegang Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun Utama yang akan dihubungi.
- 5.4 Status Status pemenang calon dianggap SAH SEKIRANYA calon pemenang panggilan telefon dan berjaya menjawab tiga (3) soalan pengesahan.
- 5.5 Sekiranya calon yang menang tidak dapat dihubungi mengikut prosedur yang digariskan dalam Klausa 5.5 dan 5.4, Bank berhak untuk memilih calon pengganti daripada senarai pendek.
- 5.6 Jika calon pemenang tidak mahu/ menolak/ tidak setuju dengan pengesahan maklumat ketika panggilan dibuat, maka pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan kemenangan dan menggantikan dengan calon lain yang berada di dalam senarai pendek.
- 5.7 Kesemua kategori cabutan akan disahkan melalui panggilan telefon KECUALI bagi kategori cabutan *Loyalty, New Savers dan Payroll/ Salary Individual*.
- 5.8 Senarai nama pemenang akan dimaklumkan melalui laman web Bank dan/ atau melalui apa-apa cara lain yang mana yang sesuai bagi pihak Bank.
- 5.9 Bagi cabutan *Loyalty, New Savers, Payroll/ Salary Individual dan Regional*, pengkreditan tunai ke akaun pemenang akan dibuat dalam masa 21 hari bekerja setelah nama pemenang diumumkan di dalam laman web Bank.
- 5.10 Keputusan pemenang adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 5.11 Satu tarikh akan dipilih oleh pihak Bank untuk majlis penyampaian Hadiah (sekiranya ada) dan semua pemenang tertakluk kepada perkara yang berikut:-
- i) Semua pemenang adalah diwajibkan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah.
  - ii) Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/ SMS/ emel/ laman web Bank atau melalui surat-menyurat mengenai majlis penyampaian Hadiah.
  - iii) Sekiranya pemenang gagal untuk hadir pada majlis penyampaian Hadiah tanpa sebab yang munasabah, pihak Bank boleh membatalkan Hadiah dan memilih pemenang yang lain.
  - iv) Semua pemenang bertanggungjawab untuk membuat aturannya yang diperlukan dengan Bank untuk mengambil atau menebus Hadiah mereka. Bank tidak akan menanggung sebarang penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh pemenang semasa menebus atau menggunakan Hadiah.

## 6.0 TUNTUTAN HADIAH

- 6.1 Pihak Bank/ vendor akan menguruskan proses pemberian Hadiah-hadiah tersebut dalam masa 21 hari bekerja selepas nama-nama pemenang diumumkan di laman web Bank.
- 6.2 Jika ada sebarang kerosakan atau masalah pada Hadiah, pemenang boleh terus berurusan dengan pihak vendor untuk sebarang pertanyaan dan tuntutan jaminan.
- 6.3 Semasa proses menebus Hadiah, pemenang hendaklah memberikan kad pengenalan bagi tujuan pengesahan dan menandatangani borang perakuan dalam masa 21 hari bekerja selepas nama-nama pemenang diumumkan di dalam laman web Bank.
- 6.4 Sekiranya berlaku kematian pemenang selepas majlis penyampaian hadiah atau selepas pengumuman pemenang Hadiah, Hadiah tersebut hanya boleh dituntut oleh waris dalam masa 21 hari bekerja dengan membawa dokumen sokongan yang diterima oleh pihak Bank, jika gagal, pihak Bank berhak untuk kehilangan Hadiah dan memilih pemenang lain.
- 6.5 Sebarang tuntutan wang tunai (sekiranya Akaun ditutup sebelum pengkreditan Hadiah) tuntutan hendaklah dibuat dalam masa 21 hari bekerja dari tarikh pengumuman.
- 6.6 Hadiah adalah berdasarkan ketersediaan stok dan pihak Bank berhak untuk menamatkan atau menggantikan Hadiah tersebut dengan Hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa memberi sebarang notis kepada para pemenang.
- 6.7 Hadiah-hadiah yang dipamerkan di dalam iklan dan bahan promosi (sekiranya ada) adalah untuk ilustrasi sahaja dan reka bentuk sebenar mungkin berbeza.

## 7.0 AM

- 7.1 Pemegang Akaun dinasihatkan untuk membaca dan memahami T&S ini sebelum mengambil bahagian dalam Cabutan, Kempen dan/ atau promosi.
- 7.2 T&S ini terpakai ke atas kesemua Akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh Pemegang Akaun dengan pihak Bank. Dengan membuka, mengekalkan dan menggunakan Akaun, Pemegang Akaun telah membaca, dan menerima setiap terma dan bersetuju untuk terikat oleh T&S ini dan sebarang keputusan Bank.
- 7.3 Dengan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi Pemegang Akaun. Dengan membuka dan menyelenggara Akaun dengan Bank, para pemenang dengan ini bersetuju dengan yang berikut:
  - i) Memberi kebenaran dan memberi kuasa kepada Bank untuk, mengiklankan atau menerbitkan nama dan identiti mereka di mana-mana bahan media, termasuk temubual, pemberian Hadiah atau acara publisiti lain yang diatur oleh Bank berkaitan dengan Cabutan; dan
  - ii) Membenarkan pihak Bank untuk, menggunakan dan/ atau menyiarkan imej, nama pemenang untuk tujuan pemasaran atau komersil berkaitan dengan Cabutan; dan
  - iii) Untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam mana-mana untuk tujuan pemasaran/ publisiti berhubung dengan Cabutan, yang mungkin diatitkan oleh Bank, seperti majlis penyampaian Hadiah, temu duga akhbar atau sesi penggambaran gambar, jika perlu.
- 7.4 Pelanggan Yang Layak hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, cukai kerajaan atau apa sahaja caj yang dikenakan dibawah undang-undang, jika ada, dan kos pemasangan, jika diperlukan yang berkaitan dengan Hadiah dan Kempen.
- 7.5 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang terhasil daripada penebusan atau penggunaan Hadiah yang ditawarkan.
- 7.6 T&S ini akan mengatasi sebarang peruntukkan atau perwakilan yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk tanpa had, risalah yang dicetak atau banting), atau sebarang iklan mengenai produk ini apabila berkaitan dengan Cabutan.
- 7.7 Keputusan yang berkaitan dengan Akaun adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Akaun. Sebarang perkara yang tidak terkandung dalam T&S ini akan ditentukan oleh Bank.
- 7.8 T&S di sini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan Terma dan Syarat Akaun PrimeWin-i. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara terma dan syarat ini, T&S ini akan diguna pakai apabila berkaitan dengan Cabutan.

- 7.9** Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, pihak Bank boleh mengubah, menghapus atau menambah mana-mana T&S yang terkandung di sini secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan memberikan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu. Pihak Bank boleh memberi notis atau komunikasi bertulis tersebut melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkannya sesuai termasuk melalui pos, melalui pemberitahuan di media massa, dengan menyiarkan notis di cawangan Bank, dengan memasukkan notis ke dalam penyata akaun berkala, dengan penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimili, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan di Laman Web Bank atau di ATM/CRM atau terminal lain di bawah kawalan Bank atau dengan cara komunikasi lain. T&S ini juga boleh diperolehi melalui laman web Bank.
- 7.10** Semua T&S di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia yang terpakai dan prinsip Syariah dan Pemegang Akaun bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
- 7.11** Segala kos penghantaran Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
- 7.12** Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Bank untuk sebarang maklum balas berkaitan Kempen ini melalui surat, di ruangan maklum balas di laman web Bank, panggilan telefon atau e-mel:

**Alamat**

Customer Experience Management  
Menara Bank,  
PJ Sentral, Lot 12,  
Persiaran Barat, Seksyen 52,  
46200 Petaling Jaya  
Selangor.

**Laman Web Bank:** [www.mbsbbank.com.my](http://www.mbsbbank.com.my) (Contact Us @ **Customer Feedback**)

**Talian Pertanyaan:** 03-2096 3000

**Pertanyaan melalui email:** [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com)/ [complaint@mbsbbank.com](mailto:complaint@mbsbbank.com)

*Jika terdapat sebarang pertikaian di dalam terma & syarat di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, maka versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.*

**[Tamat]**

*[Baki halaman sengaja dibiarkan kosong]*

**Lampiran 1**
**Jadual 1.0:**
**Kategori-kategori Kempen, Kaedah, Kelayakan Unit, Hadiah-hadiah & Bulan Cabutan**

KATEGORI	KAEDAH	UNIT KELAYAKAN (UK)	HADIAH DAN TEMPOH CABUTAN
1. <i>Early Bird</i>	1. Deposit minima (Dana Baharu) RM 100,000.00 di antara tarikh 1/12/2023 – 31/12/2023. 2. Peruntukan deposit untuk 12 bulan. <u>Nota:</u> Bagi kategori <i>Early Bird</i> , Pelanggan Yang Layak berpeluang memenangi kategori Grand Draw sekiranya peruntukan deposit/ dana dikekalkan sepanjang tempoh Kempen.	N/A	Ketulan Emas Habib Jewel 999.9 (10mg) Untuk 30 pelanggan pertama (selagi stok masih ada) Untuk pengeluaran peruntukan deposit sebelum tamat tempoh, Bank berhak untuk mendapatkan semula (Nilai Emas) RM3,000.00 daripada jumlah yang diperuntukkan.
2. <i>Monthly</i>	Mengekalkan baki purata bulanan (PBB) minima sebanyak RM100.00	RM 100.00= 1 UK	iPhone 15 <u>Tempoh Cabutan</u> Feb 2024 sehingga Jan 2025
3. <i>Loyalty</i>	1. Pelanggan-pelanggan yang telah membuka akaun PrimeWin sebelum Kempen dilancarkan. 2. Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM100.00</u>	RM 100.00= 1 UK	Tunai RM 1,000.00 <u>Tempoh Cabutan</u> Feb 2024 sehingga Jan 2025
4. <i>New Savers</i>	1. Pelanggan – pelanggan baharu yang membuka akaun CASA-i PrimeWin dalam tempoh Kempen. 2. Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM100.00</u>	RM 100.00= 1 UK	Tunai RM500.00 <u>Tempoh Cabutan</u> Feb 2024 sehingga Jan 2025
5. <i>Payroll / Salary Transfer (Individual)</i>	1. Pelanggan-pelanggan individu yang membuka akaun gaji bersama MBSB Bank. 2. Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM100.00</u>	RM 100.00= 1 UK	Tunai RM500.00 <u>Tempoh Cabutan</u> Feb 2024 sehingga Jan 2025

KATEGORI	KAEDAH	UNIT KELAYAKAN (UK)	HADIAH DAN BULAN CABUTAN
<b>6. Special:</b> <b>i. Ladies</b>	<p><b>Pelanggan wanita yang layak berumur 19 – 54 tahun.</b></p> <p>Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM10,000.00</u> dalam tempoh seperti berikut:</p> <p>Suku 1- 01 Jan 2024 – 30 Apr 2024</p> <p>Suku 2- 01 Mei 2024 – 31 Ogos 2024</p> <p>Suku 3- 01 Sept 2024 – 31 Dis 2024</p>	RM10,000.00= 1 UK	<p><b><u>Pertama</u></b> Pakej Percutian ke Korea</p> <p><b><u>Kedua</u></b> Set Barang Kemas Habib Jewel</p> <p><b><u>Ketiga</u></b> Apple Watch Series 9</p> <p><b><u>Tempoh Cabutan</u></b> Mei 2024 Sept 2024 Jan 2025</p>
<b>ii. Gentleman</b>	<p><b>Pelanggan lelaki yang layak berumur 19 – 54 tahun</b></p> <p>Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM10,000.00</u> dalam tempoh seperti berikut:</p> <p>Suku 1- 01 Jan 2024 – 30 Apr 2024</p> <p>Suku 2- 01 Mei 2024 – 31 Ogos 2024</p> <p>Suku 3- 01 Sept 2024 – 31 Dis 2024</p>	RM10,000.00= 1 UK	<p><b><u>Pertama</u></b> Honda ADV 160</p> <p><b><u>Kedua</u></b> Pakej Percutian (Pelayaran ke Phuket)</p> <p><b><u>Ketiga</u></b> Apple Smart Watch Series 9</p> <p><b><u>Tempoh Cabutan</u></b> Mei 2024 Sept 2024 Jan 2025</p>
<b>iii. Government Employees</b>	<p><b>Pelanggan yang Layak: Semua Kakitangan Awam</b></p> <p>Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM3,000.00</u> dalam tempoh seperti berikut:</p> <p>Suku 1- 01 Jan 2024 – 30 Apr 2024</p> <p>Suku 2- 01 Mei 2024 – 31 Ogos 2024</p> <p>Suku 3- 01 Sept 2024 – 31 Dis 2024</p>	RM3,000.00= 1 UK	<p><b><u>Pertama</u></b> Baucar Harvey Norman RM10,000.00</p> <p><b><u>Kedua</u></b> Baucar Harvey Norman RM 6,000.00</p> <p><b><u>Ketiga</u></b> Baucar Harvey Norman RM 4,000.00</p> <p><b><u>Tempoh Cabutan</u></b> Mei 2024 Sept 2024 Jan 2025</p>

KATEGORI	KAEDAH	UNIT KELAYAKAN (UK)	HADIAH DAN TEMPOH CABUTAN
<i>iv. Senior</i>	<p><b>Pelanggan yang layak berumur 55 tahun &amp; ke atas</b></p> <p>Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM10,000.00</u> dalam tempoh seperti berikut:</p> <p>Suku 1- 01 Jan 2024 – 30 Apr 2024</p> <p>Suku 2- 01 Mei 2024 – 31 Ogos 2024</p> <p>Suku 3- 01 Sept 2024 – 31 Dis 2024</p>	RM10,000.00= 2 UK	<p><b><u>Pertama</u></b> Ketulan Emas Habib Jewel 999.9 (50gm)</p> <p><b><u>Kedua</u></b> Ketulan Emas Habib Jewel 999.9 (20gm)</p> <p><b><u>Ketiga</u></b> Ketulan Emas Habib Jewel 999.9 (10gm)</p> <p><b><u>Tempoh Cabutan</u></b> Mei 2024 Sept 2024 Jan 2025</p>
<b>7. Regional</b>	<p>Mengekalkan <u>PBB minima sebanyak RM10,000.00</u> dalam tempoh seperti berikut:</p> <p>Suku 1- 01 Jan 2024 – 30 Apr 2024</p> <p>Suku 2- 01 Mei 2024 – 31 Ogos 2024</p> <p>Suku 3- 01 Sept 2024 – 31 Dis 2024</p>	RM10,000.00= 1 UK	<p><b><u>Pertama</u></b> Tunai RM 5,000.00</p> <p><b><u>Kedua</u></b> Tunai RM 3,500.00</p> <p><b><u>Ketiga</u></b> Tunai RM 2,000.00</p> <p><b><u>Tempoh Cabutan</u></b> Mei 2024 Sept 2024 Jan 2025</p>
<b>8. Grand</b>	<p><u>Peruntukan minima deposit sebanyak RM20,000.00</u> dalam tempoh seperti berikut:</p> <p>Suku 1- 01 Jan 2024 – 30 Apr 2024</p> <p>Suku 2- 01 Mei 2024 – 31 Ogos 2024</p> <p>Suku 3- 01 Sept 2024 – 31 Dis 2024</p>	RM20,000.00= 1 UK	<p><b><u>Suku 1</u></b> Harley Davidson Road Glide</p> <p><b><u>Suku 2</u></b> Mercedes- Benz GLC 300 4Matic</p> <p><b><u>Suku 3</u></b> Porsche Macan</p> <p><b><u>Tempoh Cabutan</u></b> Mei 2024 Sept 2024 Jan 2025</p>

**Nota :**

- Pelanggan Yang Layak untuk memenangi sekali bagi setiap kategori.
- Kategori Special adalah dikira sebagai satu kategori.
- Setiap deposit yang dibuat dalam bulan Dis 2023 adalah layak untuk menyertai cabutan bagi Suku 1 untuk kategori Special & Grand (Mei 2023).



**Lampiran 2**
**Jadual 2.0: Unit Kelayakan**

Bulan	Sept 2024	Oct 2024	Nov 2024
Jumlah Baki Terakhir Harian Dalam Bulan Tertentu (RM)	RM 270,000.00	RM 160,000.00	RM 70,000.00
Jumlah Hari	29* *(02-30 Sept 2024)	31	30
Purata Baki Bulanan	= RM 270,000.00 / 30 = RM 9,000.00	= RM 160,000.00 / 31 =RM 5,161.29	=RM 70,000.00 / 30 =RM 2,333.33
Jumlah UK yang layak untuk cabutan	=9, 000/100 EU/ UK= <b>90</b>	=5,161.29 / 100 EU/ UK= <b>51</b> (bundar ke bawah)	=2,333.33/100 EU/ UK= <b>23</b> (bundar ke bawah)

\*Nota: Pelanggan menandatangani pada 2 September 2024.

**Lampiran 3**
**Jadual 3.0: Tempoh Peruntukan**

No	Tarikh Deposit	Tempoh Peruntukan
1	1 Januari 2024	01 January 2024 to 30 April 2024 <i>(kelayakan untuk cabutan Hadiah utama pada suku tahunan pertama)</i>
2	1 Mei 2024	01 May 2024 to 31 August 2024 <i>(kelayakan untuk cabutan Hadiah utama pada suku tahunan kedua)</i>
3	1 September 2024	01 Sept 2024 to 31 Dec 2024 <i>(kelayakan untuk cabutan Hadiah utama pada suku tahunan ketiga)</i>

**Nota:** Perletakan deposit minima sebanyak RM 10,000.00 (untuk kategori *Special & Regional*) or RM20,000.00 (untuk kategori *Grand*) hendaklah diperuntukkan di dalam akaun untuk tempoh tiga (3) bulan (mengikut setiap suku tahunan) untuk kelayakan menyertai cabutan Kategori *Special, Regional* dan *Grand*. Sekiranya tiada peruntukkan dilakukan, maka peserta tidak layak untuk menyertai cabutan bagi kategori *Special, Regional* dan *Grand*.

[Baki halaman sengaja dibiarkan kosong]